



Isnin (23/4/07) Utusan M&A - Timur - PG: 26

Bangunkan kepelbagaian bio di Pahang

KUANTAN 22 April - Kerajaan negeri mencadangkan kepelbagaian bio dibangunkan di Pahang dalam usaha membantu menjana ekonomi negeri selain mengelakkan kekayaan sumber asli di Pahang dibazirkan begitu sahaja.

Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Tan Mohd. Aminuddin Ishak berkata, usaha itu dapat dilakukan dengan kerjasama pakar-pakar dalam bidang tersebut yang terdapat di negeri ini.

"Sebelum ini, sumber asli Pahang sering dieksploitasi pihak lain yang ingin mengaut keuntungan, jadi dengan kerjasama kepakaran bioteknologi khususnya dari Universiti Malaysia Pahang (UMP), kita akan dapat menghasilkan pelbagai produk berasaskan sumber asli," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Mesra UMP bersama Wakil-Wakil Rakyat Negeri Pahang, di

sini hari ini.

Hadir sama ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) termasuk ADUN Batu Talam yang baru mengangkat sumpah, Abd. Aziz Mat Kiram.

Tan Mohd. Aminuddin optimis dengan kepakaran yang ada di Pahang, ditambah dengan bahan mentah yang mudah didapati, produk yang dihasilkan melalui kaedah bioteknologi mampu menjana ekonomi negeri.

Jelas beliau, usaha mempromosi produk-produk itu juga dapat dijalankan dengan lancar berdasarkan pertalian rapat UMP dengan usahawan-usahawan tempatan.

"Dengan bantuan pakar-pakar bioteknologi yang ada, para usahawan juga mendapat manfaat daripada teknologi bioteknologi yang dapat diaplikasikan dalam perniagaan mereka," ujar beliau.